

14 AUG 1999

PM-China (Fokus)

LAWATAN PM KE CHINA CETUS SPEKULASI TARIKH PILIHAN RAYA

Oleh: Ali Mamat

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Pada penghujung Mei 1974, Perdana Menteri kedua (Allahyarham) Tun Abdul Razak Hussein berkunjung ke Beijing (dulu Peking) untuk menandatangani perjanjian hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat China.

Tidak lama selepas kembalinya daripada lawatan selama enam hari yang berakhir 2 Jun tahun itu, Tun Razak telah mengumumkan pembubaran Parlimen dan sekali gus memanggil pilihan raya umum yang baru.

Pada pilihan raya umum kali keempat itu, yang berlangsung pada 24 Ogos, Barisan Nasional telah mencapai kemenangan di luar dugaan selepas mengalami kejutan dengan kekalahan di banyak kawasan pada pilihan raya umum lima tahun sebelum itu.

Kebanyakan pemerhati dan penganalisis politik ketika itu sependapat bahawa lawatan Tun ke China itu merupakan salah satu faktor penyumbang utama kepada kemenangan cemerlang BN yang sebelum itu dikenali sebagai Perikatan.

Lawatan itu dilihat sebagai satu sentuhan ajaib Allahyarham kerana pada pilihan raya umum 1969, Perikatan hampir kehilangan beberapa buah negeri yang dikuasainya termasuk Terengganu, Selangor, Perak dan Pulau Pinang, sama ada di tangan PAS atau DAP.

Kini, kira-kira 25 tahun selepas lawatan bersejarah itu, satu perayaan jubli perak bagi mengingati terjalinnya hubungan diplomatik antara kedua-dua negara itu akan disambut secara besar-besaran di Beijing pada 19 Ogos ini, dan antara tetamu agungnya ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebelum ke China, Dr Mahathir akan melawat Khabarovsk, sebuah wilayah autonomi Persekutuan Rusia selama tiga hari bermula 15 Ogos. Selepas China, beliau akan berlepas ke Ulan Ude, ibu negara Buryatia, sebuah lagi wilayah autonomi di Rusia.

Beliau akan pulang ke tanah air pada 23 Ogos.

Walaupun ia bukan lawatan yang pertama bagi Dr Mahathir ke China, pemergiannya kali ini agak istimewa sehingga mencetuskan pelbagai spekulasi kerana ia secara kebetulan dilakukan ketika bahang pilihan raya umum ke-10 sedang hangat dirasakan di seluruh negara.

Persoalannya, mungkinkah Dr Mahathir akan melakukan apa yang dilakukan oleh Tun Razak 25 tahun yang lalu iaitu membubarkan Parlimen dan memanggil pilihan raya yang baru sekembalinya daripada lawatan itu?

Sebelum pengumuman rasmi tentang lawatan itu dibuat, sebuah akhbar tanah air berbahasa Inggeris sudah awal-awal lagi mengandaikan bahawa kunjungan ke China itu tepat pada masanya kerana percaya ia akan merangsang sokongan pengundi Cina kepada BN.

Menurut akhbar itu, kalangan yang percaya dengan teori itu yakin Perdana Menteri akan membubarkan Parlimen dan memanggil pilihan raya baru sekembalinya daripada lawatan itu.

Akhbar itu menghujah, gambar-gambar Allahyarham Tun Razak sedang bersalam dengan mendiang Pengerusi Mao Zedong yang ditampal di segenap ceruk tanah air sebagai poster kempen pilihan raya 1974 berjaya memikat hati pengundi, terutama keturunan Cina, untuk menyokong BN.

"Bagi kebanyakan orang, gambar-gambar pertemuan yang bakal diadakan di antara Dr Mahathir dan Presiden Jiang Zemin atau Perdana Menteri Zhu Rongji akan mengimbas kembali ingatan mereka kepada lawatan Tun Razak ke China pada 1974," kata akhbar itu.

Lawatan Tun Razak membuka lembaran baru dalam hubungan kedua-dua buah negara manakala lawatan Dr Mahathir, yang sebelum ini telah berkunjung tidak kurang lima kali ke negara itu, akan memperkukuhkan lagi hubungan yang sudah sedia erat itu.

Menurut akhbar itu, walaupun di tanah air sendiri Dr Mahathir terus menjadi sasaran serangan penyokong-penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, pengundi-pengundi keturunan Cina pada amnya tidaklah begitu emosional jika dibandingkan dengan pengundi Melayu.

Atas alasan itu akhbar berkenaan yakin lawatan Dr Mahathir kali ini sedikit sebanyak akan memperkuat lagi sokongan rakyat, khususnya yang berketurunan Cina untuk menyokong BN, walaupun ia bukan faktor utama.

Kunjungan itu akan dilihat umum sebagai satu lagi manifestasi keupayaan Dr Mahathir membawa kestabilan politik dan ekonomi kepada negara khususnya dan rantau ini amnya.

Kedua-dua negara mempunyai pendirian serupa dalam banyak hal. Umpamanya, masing-masing bersetuju untuk sama-sama berusaha melaksanakan reformasi ke atas sistem kewangan antarabangsa dan mewujudkan sebuah peraturan kewangan yang baru untuk manfaat semua.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar memberitahu satu sidang media di sini semalam, lawatan kerja Perdana Menteri itu juga dijangka menghasilkan lebih banyak projek usahasama antara kedua-dua negara.

Selain membuka laluan kepada lebih banyak pelabur Malaysia melabur di China, negara komunis itu sendiri khabarnya sangat berminat untuk membuka sebuah kilang kertas dan pulpa di Sabah dan menerokai bidang perbankan di negara ini.

Pada pertemuannya dengan Presiden Jiang, Dr Mahathir juga dijangka berbincang mengenai isu dua hala, krisis ekonomi yang melanda rantau ini serta menzahirkan pendirian tegas Malaysia berhubung dasar Satu China.

Selain Syed Hamid, turut menyertai rombongan lawatan itu ialah Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam, Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan beberapa tokoh korporat tempatan.

Menurut Syed Hamid, semasa di Khabarovsk, Dr Mahathir akan melawat pusat pembinaan pesawat udara Rusia di Komosolmsk dan Na Amur, pusat pembinaan kapal dan industri perkayuan.

Ketika di Buryatia, Dr Mahathir akan melawat pusat pembinaan pesawat udara dan helikopter di Ulan Ude.

Walau apapun teka teki, andaian dan ramalan umum berhubung kunjungan Dr Mahathir ke China, hanya beliau yang mampu memberi jawapannya. Yang pasti kunjungan kali ini akan menyumbang kepada peningkatan keyakinan rakyat terhadap kepimpinan beliau serta memperteguhkan lagi kedudukan kerajaan yang diterajui BN.

Hubungan erat Malaysia-China akan memberi kelebihan tambahan kepada BN pada pilihan raya umum akan datang, khususnya yang membabitkan pengundi China, yang kini sedikit sebanyak turut terikut-ikut dengan rentak pembangkang yang mengajak rakyat memilih sebuah kerajaan alternatif sebagai menyahut laungan "reformasi" penyokong Anwar.

Seperti kata Dr Mahathir sendiri, pengundi Cina adalah lebih pragmatik dalam percaturan politik tanah air, apa lagi jika ia membabitkan soal maju mundur kegiatan ekonomi yang menjadi teras hidup harian mereka.

Dengan penduduknya yang telah mencecah 1 billion, China dilihat oleh kebanyakan peniaga atau usahawan keturunan Cina di negara ini sebagai satu pasaran yang sangat luas untuk perdagangan dua hala serta satu tapak pelaburan yang paling berpotensi. Ia baik untuk masa depan ekonomi negara ini.

-- Bernama
AM